
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JMG 213 – Teknik-Teknik Dalam Geografi

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Jawab SOALAN 1 dan SOALAN 2 di Bahagian A (WAJIB). Jawab SATU soalan daripada Bahagian B dan SATU soalan daripada Bahagian C.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Tiap-tiap soalan menyumbang 25 markah.

BAHAGIAN A


1. Dengan menggunakan Prinsip Penyusunan bagi komponen utama peta, paparkan semula data dalam Jadual 1 ke dalam peta asas yang disediakan (Peta 1) dengan menggunakan kaedah peta statistik yang sesuai. (25 markah)

Jadual 1

		KERUSI DUN JUMLAH (394)												
		BARISAN NASIONAL					PEMBANGKANG							
NEGERI JUMLAH KERUSI	JUMLAH CALON	UMNO	MCA	MIC	Gerakan	Jumlah	DAP	Pas	Keadilan	PRM	MDP	AKIM	IND	JUMLAH
		275	77	15	27	394	89	238	67	3	8	1	14	420
PERLIS	(15)	13	2			12		13	3					3
KEDAH	(36)	28	4	2	2	24	4	32	12				3	12
KELANTAN	(43)	42	1			2		41	41			1		41
TRENGGANU	(32)	31	1			4							2	28
PENANG	(33)	12	10	9	11	10	17	6	1		1		1	3
PERAK	(52)	30	26	14	11	3	17	4	23	3	4			8
PAHANG	(38)	28	21	7	7	1	8	1	24	6			2	8
SELANGOR	(48)	30	26	12	11	3	16	1	23	4	1		4	6
NEGERI SEMBILAN	(32)	20	20	9	9	2	10	12	10		1		2	
MELAKA	(25)	16	16	7	4	1	8	4	10					4
JOHOR	(40)	25	25	11	11*	2	9	22	5	3	1			0
JUMLAH KERUSI MENANG		176	68	15	2	281	11	98	4					113

Kerusi menang tanpa bertanding
 Kerusi yang dipertandingkan
 Sumber : Malaysia Kita : MS


PETA 1 : PETA ASAS SEMENANJUNG MALAYSIA




(Serahkan jawapan Peta 1 ini bersama dengan skrip jawapan lain)

2. (a) Ukurkan kepadatan sistem saliran di dalam petak peta (PG7294 - PG7598) yang diberikan dalam Peta 2.
(10 markah)
- (b) Dengan mengukur kecerunan cerun A($a_1 - a_2$), B($b_1 - b_2$), C($c_1 - c_2$), dan D ($d_1 - d_2$), dalam Peta 3, lokasi yang manakah paling berisiko berlakunya tanah runtuh?
(10 markah)
- (c) Berikan cadangan laluan alternatif bagi menghubungkan pekan X (Kg. Solok Bagoh PG 716921) dari pekan Y (Kg. Batang Pilah PG 720990).
(5 markah)

Peta 2



Peta 3



BAHAGIAN B

3. (a) Huraikan tujuan sesuatu peta dihasilkan? (10 markah)
- (b) Bincangkan kepentingan elemen skala, simbol dan jenis data dalam kartografi. (15 markah)
4. Berdasarkan contoh-contoh, bezakan mana-mana tiga pandang darat fizikal berikut berdasarkan aspek ketinggian, sifat-sifat khusus dan ciri-ciri umumnya.
- (a) Tanah tinggi
 - (b) Beralun
 - (c) Tanah pamah
 - (d) Berpaya
 - (e) Pinggir laut
- (25 markah)

BAHAGIAN C

5. (a) Huraikan pengelasan foto udara dan bandingkan faktor-faktor kelebihan foto udara tegak dengan foto udara serong. (15 markah)
- (b) Terangkan proses yang berlaku apabila sinaran elektromagnet melalui atmosfera. (10 markah)

6. (a) Berdasarkan Rajah 4 di bawah, jelaskan prosedur melakarkan peta sehingga peringkat mencetak peta yang sudah disiapkan menggunakan perisian AutoCAD.

(10 markah)

(b) Apakah kemungkinan-kemungkinan yang berlaku dan bagaimanakah cara untuk mengatasinya, sekiranya peta tidak dapat dicetak?

(15 markah)

Rajah 4 : AutoCAD

